



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERBANDINGAN DIALEK MELAYU SARAWAK DENGAN BAHASA
MELAYU BAKU DARI SUDUT SEMANTIK KLEKSIKAL***

NABILLAHBINTIBOLHASSAN

FBMK 2016 7



**PERBANDINGAN DIALEK MELAYU SARAWAK DENGAN BAHASA
MELAYU BAKU DARI SUDUT SEMANTIK KLEKSIKAL**

Oleh

NABILLAHBINTIBOLHASSAN

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai menuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

April 2016

Semuabahan yang terkandungdalamtesisini, termasuktanpa had teks, logo, ikon, gambardansemuakaryasenilain, adalahbahanhakciptauUniversiti Putra Malaysia kecualidinyatakansebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandungdalamtesisiniidibenarkanuntuktujuanbukankomersialdaripadapemeganghakcipta. Penggunaankomersialbahanhanyabolehdibuatdengankebenaranbertulisterdahulu yang nyatadaripadaUniversiti Putra Malaysia.

Hakcipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Terimakasihpada-Mu tuhan,
Takmungkindapattergambardengan kata-kata,
Anugerah-Mu takpernahberhenti,
Engkausishkansemuaaral di hadapanku.

Terimakasihayahandadan bonda,
Kalaulahdapatakukisahkan,
Dari hati yang bahagia,
Rasa penuhdansempurnadengandananya kalian.

Terimakasih Dr. Che Ibrahim & Dr. Ahmad Mahmood,
Biardihamparselautanemas,
Dihulursegunungpermata,
Tiadabandingannyadengantunjukajarmu.

Terimakasihtemanseperjuangan,
Bersamakitamemajakkudrat, melakarkenangan,
Doaku agar tuhankekalkanjalinankita,
Kaudanakukawansampaimati, inisatujanji.

Terimakasihmerekakesayanganku,
Bersamakitamemasak kaki, mengharungduniawi,
Hadirnya kalian pelengkaphidupku,
Kasihcintakuuntuk kalian tiadaakhirnya.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PERBANDINGAN DIALEK MELAYU SARAWAK DENGAN BAHASA
MELAYU BAKU DARI SUDUT SEMANTIK LEKSIKAL**

Oleh

NABILLAH BINTI BOLHASSAN

April 2016

Pengerusi : Profesor Madya Che Ibrahim Salleh, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini berkaitan perbandingan dialek Melayu Sarawak di Sibu dengan bahasa Melayu baku. Dialek Melayu Sarawak di Sibu bukanlah dialek yang dominan kerana populasi masyarakat di Sibu majoritinya ialah berbangsa Cina. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan kata dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku, menghuraikan perbezaan kata dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu serta menghasilkan daftar kata dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku. Kajian ini menggunakan kaedah elisitasi yang dijalankan terhadap penjawat awam yang berkhidmat di Rejimen 510 Askar Wataniah Kem Seri Rajang, Sibu Sarawak untuk mengenal pasti beberapa perkataan dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku yang dipercayai boleh mendatangkan kekaburuan makna. Teori yang digunakan ialah teori semantik leksikal. Dapatkan kajian ini mendapati bahawa terdapat 50 perkataan dalam dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku yang dipercayai boleh mendatangkan kekaburuan makna kerana mempunyai sebutan yang sama tetapi berbeza dari segi maknanya. Melalui kajian ini, pengkaji akan dapat membantu masyarakat yang datang dari latar dialek yang berbeza untuk lebih menguasai dialek Melayu Sarawak supaya tidak berlakunya kekaburuan makna serta dapat mengelakkan daripada berlakunya prejudis, salah sangka dan salah faham terhadap mereka yang melancang atau berkhidmat di Sarawak.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of
the requirement for the Master of Arts

**COMPARISON BETWEEN SARAWAK MALAY DIALECT AND STANDARD
MALAY LANGUAGE FROM LEXICAL SEMANTICS**

By

NABILLAH BINTI BOLHASSAN

April 2016

Chair : Associate Professor Che Ibrahim Salleh, Ph.D
Faculty : Modern Language and Communication

This study is about a comparison between a Sarawak Malay Dialect in Sibu and our Standard Malay Language. Sarawak Malay Language in Sibu is not really a dominant dialect because the largest population of community in Sibu is being conquered by Chinese. The objective of this study is to identify the differences between Sarawak Malay Dialect and Standard Malay Language, to elaborate them and to produce a compilation of vocabulary in Sarawak Malay Dialect and Standard Malay Language. This study applies elitation which has been done towards number of government servant whom are serving in Regiment 510 Askar Wataniah Seri Rajang, Sibu to identify words of Sarawak Malay Language which are believed to cause confusion. The theory that has been applied is lexical semantics. The outcomes of this study sound out that 50 words of Sarawak Malay Dialect and Sarawak Malay Language might caused confusion in delivering the meaning because they got are same pronunciations but differences meaning. Throughout, this study the researches will be helping out the dialect to master the Sarawak Malay Dialect, so that they will be no confusion anymore and it also can avoid from any prejudice, misunderstandings when they visit or serve in Sarawak.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah S.W.T, tuhan sekalian alam serta salawat dan salam ke atas junjungan besar, Rasulullah S.A.W kerana dengan restu dan izinNya, saya dapat merentasi segala rintangan dan halangan dalam menyiapkan tesis ini.

Selautan cinta dan kasih buat ayahanda Bolhassan Ainnie dan bonda Suraya Ahad yang sentiasa mendoakan kejayaanku dan tidak pernah melepaskan genggaman tanganku dalam mengharung kepayaahan mengenal erti hidup. Serumpun cinta dan sayang buat bekanda dan adinda-adindaku Siti Nurainnie, Adam Malik, Zakiah Izzati, dan Raihan Khairani yang sentiasa ada dalam setiap tangis dan tawa.

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Che Ibrahim Salleh (selaku pengerusi) serta Profesor Madya Ahmad Mahmood Musanif (selaku ahli) di atas segala kesabaran dalam memberi tunjuk ajar sepanjang menyiapkan tesis ini. Tidak lupa kepada penjawat awam yang berkhidmat di Rejimen 501 Kem Seri Rajang Sibu kerana bantuan yang dihulurkan untuk mendapatkan data kajian ini.

Buat teman-teman di Universiti Putra Malaysia, terima kasih untuk segala bantuan yang dihulurkan sepanjang kita bersama di bumi UPM. Kenangan bersama kalian akan tetap tersemat selagi jantung berdetak. Buat teman-teman di Sibu, Sarawak terima kasih untuk segala doa dan sokongan yang tidak pernah henti walaupun kita jauh beribu batu. Buat kesayangan yang sentiasa setia mendengar cerita-cerita saya, terima kasih sebanyak bintang di langit kerana sudi ‘meminjamkan telinga’. Buat saudari Fynn Jamal, terima kasih untuk kata semangat yang pernah dihulurkan pada ketika saya hampir putus asa di awal pengajian walaupun sekadar di alam maya, semoga saudari sentiasa berada dalam rahmat kasih Illahi.

Akhir kata, kepada meraka yang telah membantu saya secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyelesaikan tesis ini, terima kasih. Hanya sekalung doa mampu saya garapkan buat kalian yang banyak menghulurkan bantuan, semoga Allah ganjarkan kalian dengan kebahagiaan tanpa sempadan.

BERILMU BERBAKTI

Nabillah Bolhassan
GS 37811

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 4 April 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nabillah binti Bolhassan bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Perbandingan Dialek Melayu Sarawak dengan Bahasa Melayu Baku dari Sudut Semantik Leksikal” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Teo Kok Seong, PhD

Profesor

Institut Kajian Etnik

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Che Ibrahim Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Mahmood Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya mengakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nabillah binti Bolhassan (GS 37811)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa;

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

Tandatangan: _____

Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : _____

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
<i>ABSTRACT</i>	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
BAB	
I PENDAHULUAN	
Latar belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	2
Persoalan Kajian	4
Objektif Kajian	4
Kepentingan Kajian	4
Skop Kajian	5
Definisi Operasional	6
II SOROTAN KAJIAN	
Pengenalan	8
Sorotan Kajian Tentang Dialek Melayu Sarawak	8
Perkaitan antara Kajian dahulu dengan Kajian Ini	18
III METODOLOGI	
Pengenalan	20
Reka bentuk Kajian	20
Kerangka Teori	21
Kerangka Konseptual	24
Kaedah Kajian	25
Temu Bual	25
Tempat Kajian	25
Pensampelan	25
Alat Kajian	26
Alat Perakam	26
Senarai Kata	26
Soalan Terbuka	27
Tatacara Kajian	27
Kajian Rintis	27
Penganalisisan Data	29

IV	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	
Pengenalan		30
Perbezaan Kata Dialek Melayu Sarawak dengan Bahasa Melayu		
Baku		30
Daftar Kata Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melayu Baku		52
Implikasi Dapatan Kajian		55
V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Kesimpulan		56
Cadangan		57
BIBLIOGRAFI		58
LAMPIRAN		62
BIODATA PELAJAR		89

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Rajah Disiplin Semantik Leksikal	21
2	Rajah Kerangka Konseptual	24

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Perbezaan Makna Kata Dialek Melayu Sarawak dengan Bahasa Melayu Baku dalam Golongan Kata Nama	31
2	Perbezaan Makna Kata Dialek Melayu Sarawak dengan Bahasa Melayu Baku dalam Golongan Kata Kerja	36
3	Perbezaan Makna Kata Dialek Melayu Sarawak dengan Bahasa Melayu Baku dalam Golongan Kata Adjektif	41
4	Perbezaan Makna Kata Dialek Melayu Sarawak dengan Bahasa Melayu Baku dalam Golongan Kata Tugas	49

BAB I

PENDAHULUAN

Latar belakang Kajian

Negeri Sarawak Bumi Kenyalang mempunyai masyarakat yang rencam dengan etnik, fahaman, budaya, serta adat resam yang diwarisi turun - temurun daripada generasi terdahulu. Masyarakat yang terdiri daripada suku kaum yang pelbagai seperti Melayu, Iban, Cina, Melanau, Kenyah, Bidayuh dan lain-lain lagi hidup secara aman dan harmoni serta bertoleransi dalam kepelbagaian yang wujud melatari ruang lingkup kehidupan sehari-hari. Semua suku kaum yang terdapat di Sarawak ini sering berhubung antara satu sama lain dalam apa juga urusan, sama ada urusan sosial maupun ekonomi dalam urusan sehari-hari mereka. Hal ini termasuklah juga dalam aspek pilihan bahasa yang digunakan tanpa masalah yang boleh merosakkan hubungan sesama mereka.

Perbezaan dan kelebihan yang ada pada negeri bumi kenyalang ini, sering mendapat perhatian daripada pelancong untuk melihat dan merasai pelbagai pengalaman yang hanya terdapat di negeri Sarawak. Malah, kepelbagaian yang dimiliki itu juga menyebabkan Sarawak sering menjadi tumpuan para penyelidik dan pengkaji bahasa. Hal ini kerana, Sarawak memiliki komposisi kaum yang meliputi 27 etnik dan tidak kurang daripada 30 bahasa daripada pelbagai suku kaum. Hal ini telah menjadikan Sarawak begitu unik dari segi budaya dan bahasanya.

Perbezaan variasi bahasa yang dituturkan oleh masyarakat berbilang kaum di negeri Sarawak membuatkan negeri Sarawak begitu unik dengan kepelbagaian bahasa yang dimiliki masyarakatnya. Masyarakat yang terdiri daripada berlainan pembawaan dan budaya secara langsung telah mewujudkan satu suasana kepelbagaian pertuturan bersandarkan latar belakang etnik masing-masing. Dialek Melayu Sarawak merupakan salah satu daripada sekian banyaknya bahasa dan dialek yang dipertuturkan oleh masyarakat di negeri bumi kenyalang. Dialek ini menjadi medium integrasi nasional antara kaum di Sarawak serta menjadi sumber interaksi khusus bagi kaum Melayu (Collin, 1993). Walau bagaimanapun, bahasa Melayu baku tetap digunakan dalam urusan rasmi serta dialek Melayu Sarawak tetap menjadi bahasa pilihan utama penduduk tempatan untuk berkomunikasi antara mereka.

Di negeri Sarawak, semua suku kaum dapat hidup dengan mesra dan harmoni antara satu sama lain walaupun mempunyai pelbagai dialek yang dituturkan. Hubungan antara kaum yang sejahtera ini dipupuk oleh hubungan antara kaum yang sentiasa erat, semangat kekitaan yang baik dan bekerjasama serta yang paling utama apabila pilihan bahasa yang dipilih dalam kehidupan sehari-hari ialah dialek Melayu Sarawak. Hubungan masyarakat yang datang daripada latar belakang, agama, budaya dan cara hidup yang berbeza dengan memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa utama dalam berkomunikasi sesama mereka. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa Dialek Melayu Sarawak menjadi teras kepada perhubungan dan perantaraan kepada semua suku kaum di Sarawak.

Asmah Haji Omar (2004) mengatakan bahawa tidak dinafikan, bahasa Melayu di negeri Sarawak masih selalu digunakan dan penggunaannya tidak terhad, terutama dalam urusan rasmi di pejabat kerajaan dan pendidikan di sekolah. Namun, sekiranya penggunaan bahasa Melayu baku dan dialek Melayu Sarawak dicampuradukkan, hal ini boleh mendatangkan kekaburuan makna kerana terdapat kosa kata antara bahasa Melayu baku dengan dialek Melayu Sarawak mempunyai ejaan dan sebutan yang sama tetapi membawa pengertian yang berlainan. Hal ini secara tidak langsung mengganggu interaksi dan komunikasi penjawat awam mahupun pelancong yang berasal dari semenanjung ketika berada di negeri Sarawak.

Sungguhpun dialek Melayu Sarawak digunakan dan difahami secara menyeluruh oleh hampir kesemua masyarakat di Sarawak, namun terdapat kekangan dalam aspek pemahaman bahasa apabila melibatkan penutur yang datang daripada latar dialek Melayu yang berbeza, terutamanya dari Semenanjung Malaysia. Senario ini dianggap normal dalam pengadaptasian budaya dan bahasa bagi penutur yang menghadapi kawasan dan suasana baru. Aspek budaya antara masyarakat Melayu Sarawak dengan Semenanjung bukanlah berbeza secara meluas kerana masih terdapat persamaan dalam hal yang tertentu seperti majlis perkahwinan, adat meminang, dan sebagainya. Kelainan yang ketara hanyalah kekeliruan yang timbul dalam kalangan penutur bahasa kerana terdapatnya beberapa perkataan yang mempunyai ejaan dan sebutan yang sama tetapi berbeza daripada sudut makna.

Pernyataan Masalah

Dialek ialah variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek turut mempunyai bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan berlainan daripada bentuk yang baku dari segi tatabahasa, sebutan dan penggunaan kata tertentu, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain. Seperti yang diketahui, terdapat ideolek dalam satu-satu dialek tempatandi Malaysia. Ideolek merupakan kelainan pengucapan disebabkan oleh perbezaan individu dan kelainan stilistik yang terjadi akibat daripada perbezaan konteks (Abdul Hamid Mahmood, 1993:82). Walaupun terdapat kelainan tersebut, dialek yang dituturkan seharusnya tidak terkeluar daripada had saling kefahaman yang menentukan bahawa kelainan itu masih tergolong dalam satu bahasa. Setiap dialek yang wujud mempunyai perkaitan yang erat dengan bahasa Melayu baku, namun perkaitan yang wujud turut mempengaruhi kekaburuan makna sekiranya penutur tidak menguasai sesuatu dialek. Perkara ini sudah pasti akan mengganggu interaksi dan komunikasi penjawat awam mahupun pelancong yang berasal dari semenanjung ketika berada di negeri Sarawak.

James T. Collins (1987) berpendapat bahawa tidak banyak tulisan yang menyentuh dialek Melayu Sarawak sebelum 1972. Dalam buku dan dokumen sejarah Sarawak pada zaman kolonial, kata-kata Melayu hanya dicatat seimbas lalu. Buat pertama kalinya, daftar kata Melayu Sarawak yang agak teratur diterbitkan oleh wali gereja Inggeris, Uskup Chalmers. Namun, selepas pembentukan Malaysia, penelitian tentang dialek Melayu Sarawak mula mengorak langkah. Anak tempatan Sarawak, iaitu Madzhi Johari telah menyumbangkan naskhah Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak) pada tahun 1972. Karya ini merupakan landasan yang teguh untuk segala kajian linguistik moden tentang dialek Sarawak. Selepas Madzhi Johari, muncul

beberapa pengkaji yang turut mengkaji mengenai dialek Melayu Sarawak, seperti Mastura Anuar (1979) dan Bhaludin Saleh (1983). Namun kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji ini hanyalah meliputi ciri fonologi dan morfologi dialek Melayu Sarawak dan bukannya perbezaan antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku. Sedangkan apabila diteliti secara mendalam, terdapat beberapa perbezaan yang nyata antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku dari aspek fonologi, morfologi, dan sintaksis yang dapat menimbulkan masalah kecaburan makna terhadap masyarakat.

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Farid M. Onn dan Ajid Che Kob (1993), yang bertajuk Persepsi Murid dan Guru Terhadap Pengaruh Bahasa Daerah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Melayu, sememangnya terdapat penggunaan dialek tempatan yang berleluasa semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini mungkin ada kaitannya dengan latar belakang seseorang guru. Beberapa orang guru bahasa Melayu di sesetengah sekolah ialah anak tempatan. Maka, mereka lebih selesa dengan dialek tempatan dan kecenderungan untuk menggunakan bahasa campuran antara dialek dengan bahasa Melayu baku adalah tinggi. Perkara ini secara tidak langsung akan menimbulkan kecaburan makna dan kekeliruan dalam memahami sesuatu konteks yang ingin disampaikan oleh guru terhadap pelajarnya. Selain itu, kebiasaan berbahasa (*language habit*) dalam kalangan pelajar turut menimbulkan masalah. Sebagai contoh, pelajar tempatan akan terbawa-bawa menggunakan dialek tempatan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini akan menyukarkan guru yang bukan dalam kalangan warga tempatan untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan oleh pelajar.

Di samping itu, perbezaan antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku secara tidak langsung boleh menimbulkan kekeliruan kepada penjawat awam dan pelancong yang berasal dari Semenanjung Malaysia ketika berada di bumi kenyalang. Rata-rata masyarakat Sarawak akan bertutur dalam dialek Melayu Sarawak dalam aktiviti sosial mereka seperti proses jual-beli. Hal ini secara tidak langsung akan menimbulkan kecaburan makna terhadap beberapa perkataan yang mempunyai sebutan yang sama, tetapi membawa pengertian berbeza antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku. Selain itu, perkara ini turut mendatangkan kekangan dalam berinteraksi dalam kalangan penjawat awam yang bukan dari golongan masyarakat tempatan Sarawak. Dalam suasana tidak formal di pejabat, sudah tentu penjawat awam tempatan akan menggunakan dialek campuran untuk berkomunikasi sesama sendiri. Maka, penjawat awam yang bukan berasal dari Sarawak akan menghadapi kekeliruan dalam memahami sesetengah perkataan tidak memahami dialek tersebut.

Berdasarkan pernyataan masalah tersebut, dialek Melayu Sarawak perlu dikaji dari sudut atau bidang yang berlainan dengan kajian sebelumnya, iaitu mengenal pasti perbezaan antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku dari semantik leksikal. Dengan adanya kajian ini, ia akan dapat membantu menyelesaikan masalah kecaburan makna dalam memahami dialek Melayu Sarawak dalam kalangan masyarakat yang bukan berasal dari Sarawak.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Adakah terdapat perbezaan kata dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku?
2. Apakah perbezaan kata dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku dari sudut semantik?
3. Apakah yang terhasil daripada perbezaan kata dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku?

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti perbezaan kata dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku.
2. Menghuraikan perbezaan kata dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku dari sudut semantik.
3. Menghasilkan daftar kata dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku.

Kepentingan Kajian

Kajian ini akan dapat mengenal pasti serta menganalisis perbandingan dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku dari sudut semantik leksikal. Dialek Melayu Sarawak merupakan dialek yang menunjukkan perhubungan kekeluargaan yang rapat dengan bahasa Melayu segenapnya kerana terdapat banyak ciri persamaan antara kedua-dua bahasa dan dialek tersebut. Sebagai satu dialek, dialek Melayu Sarawak mempunyai ciri tersendiri yang menyebabkan dialek ini berbeza daripada dialek Melayu yang lain. (Madzhi Johari 1989:1)

Tanpa diketahui umum, terdapat beberapa perkataan antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku mempunyai ejaan dan sebutan yang sama, tetapi membawa pengertian yang berlainan. Jika tidak dikaji, perkara ini akan membawa kepada kekaburuan makna dan menyukarkan penduduk semenanjung yang menetap di Sarawak untuk memahami konteks sesebuah perbualan. Dengan adanya kajian seperti ini, ia akan memudahkan penjawat awam mahupun pelancong yang berada di negeri Sarawak untuk memahami beberapa perkataan yang berpotensi menjadi penyebab kepada kekeliruan makna. Secara tidak langsung, pemahaman masyarakat bukan tempatan terhadap dialek Melayu Sarawak akan mewujudkan suasana harmoni dan hubungan mesra ketika berinteraksi dengan masyarakat asal negeri tersebut.

Di samping itu, kajian ini sedikit sebanyak akan membantu penjawat awam yang bukan berasal dari Sarawak akan dapat meningkatkan pemahaman serta menguasai dialek Melayu Sarawak dengan baik. Dalam suasana tidak formal, sudah tentu penjawat di sektor pekerjaan akan menggunakan dialek campuran untuk berkomunikasi sesama

mereka. Apabila penjawat awam bukan tempatan dapat menguasai dialek Melayu Sarawak, maka akan wujudlah hubungan mesra dan sekaligus dapat mengeratkan silaturahim antara mereka. Dengan adanya jalinan yang baik itu, kualiti dan mutu pekerjaan dalam sektor awam terutamanya dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Penggunaan dialek tempatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah di sekolah sememangnya tidak dapat dielakkan oleh sesetengah tenaga pengajar kerana ada antara dialek yang terdapat di Malaysia mempunyai pengaruh terhadap penguasaan bahasa Melayu baku seseorang secara langsung atau tidak langsung. Apakah lagi, sekiranya terdapat perkataan dalam sesuatu dialek itu mempunyai persamaan dari sudut bunyi tetapi berbeza maknanya seperti dialek Melayu Sarawak. Menurut Farid M. Onn dan Ajid Che Akob (1993), penggunaan dialek tempatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adakalanya dilakukan untuk menerangkan terma yang sukar difahami oleh pelajar. Maka, adalah penting bagi pengajar mahupun pelajar memahami perbezaan makna perkataan dialek tempatan dan bahasa Melayu baku.

Oleh itu, kajian ini diharap dapat membantu masyarakat, penjawat awam, tenaga pengajar, dan pelajar untuk meningkatkan pemahaman kendiri terhadap beberapa perkataan dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku yang mempunyai persamaan bunyi tetapi berbeza maknanya. Dapatkan kajian juga akan dapat menarik minat pencinta bahasa untuk melanjutkan kajian tentang perbezaan dialek negeri lain dengan bahasa Melayu baku berdasarkan pendekatan kajian yang lain serta dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji lain pada masa akan datang, khususnya yang berminat untuk mengkaji dialek Melayu Sarawak pada masa akan datang. Secara tidak langsung, kajian ini dapat menambah pengetahuan penulis melalui pembacaan bahan ilmiah yang berkaitan dengan aspek semantik dalam dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku.

Skop Kajian

Kajian ini hanya dibataskan kepada beberapa perbezaan makna antara dialek Melayu Sarawak dengan bahasa Melayu baku dari sudut semantik leksikal. Dalam kajian ini, pengkaji akan memberikan tumpuan untuk meninjau dan meneliti perbezaan makna beberapa perkataan dialek Melayu Sarawak yang dikenal pasti mempunyai sebutan yang sama dengan beberapa perkataan bahasa Melayu baku tetapi berbeza dari sudut maknanya. Dalam kajian ini juga, pengkaji bukan sekadar mengenal pasti perbezaan makna beberapa perkataan dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melayu baku, malah pengkaji turut menghuraikan dan membandingkan makna perkataan tersebut dari aspek semantik untuk melihat penggunaanya dalam konteks komunikasi harian. Kajian akan tertumpu kepada masyarakat Melayu di Sibu kerana majoriti penduduknya berbangsa Cina. Hal ini adalah untuk memelihara dialek Melayu Sarawak di Sibu daripada terus diabaikan.

Definisi Operasional

Dialek

Menurut Kamus Linguistik (1997:61), dialek dinterpretasikan sebagai kelainan bahasa yang berbeza dari segi tatabahasa, sebutan dan kosa kata daripada bahasa baku. Antaranya termasuk dialek sosial dan dialek kawasan.

Seterusnya J.K Chamber dan Peter Trudgill (1990:3) mentakrifkan dialek sebagai satu bentuk bahasa yang bersifat rendah, berstatus kedesaan dan substandard atau dalam erti kata lain sering dikaitkan dengan masyarakat tani, kelas bawah atau golongan yang tidak bertaraf tinggi. Dialek turut dikaitkan dengan bentuk bahasa yang dituturkan oleh penduduk yang tidak mempunyai banyak tulisan.

Mario A Pei dan Frank Gaynor mendefinisikan dialek (1960) sebagai variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek turut mempunyai bentuk tertentu, ditentukan dalam kawasan tertentu dan berbeza daripada bentuk yang baku dari tatabahasa, sebutan dan penggunaan kata tertentu, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain.

Menurut Francis W.N Francis (1983:1) dialek ialah variasi bahasa yang digunakan sekumpulan kecil daripada jumlah komuniti penutur sesuatu bahasa itu. Sehubungan dengan itu, Nik Safiah Karim (1981:15) menegaskan bahawa dialek ialah sejenis bahasa yang dituturkan mengikut khalayak. Seseorang biasanya menuturkan sesuatu dialek bergantung pada tempat ia dilahirkan.

Jelaslah bahawa, dialek merupakan satu variasi bahasa yang dapat dibandingkan dengan nyata daripada ragam bahasa lain berdasarkan ciri fonologi, tatabahasa dan kosa kata. Variasi bahasa ini wujud dalam daerah geografi yang tertentu dan senario sosial yang tertentu. Kelaianan dalam ruang geografi dikenali sebagai dialek daerah.

Melayu Sarawak

James T.Collins (1987:5) mentakrifkan Melayu Sarawak sebagai orang yang bertutur dalam dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa ibunda. Daftar kata dialek Melayu Sarawak (1998:xvi) mendefinisikan Melayu Sarawak sebagai masyarakat Melayu yang tinggal di negeri Sarawak, boleh bertutur dalam dialek Melayu Sarawak dan biasanya beragama Islam.

Berdasarkan pengertian di atas, jelaslah bahawa Melayu Sarawak merupakan satu masyarakat yang berasal dari bangsa Melayu yang menetap di Sarawak, berkomunikasi dengan menggunakan dialek Melayu Sarawak yang masih boleh difahami oleh penutur dialek Melayu yang lain.

Bahasa Baku

Dalam Kamus Linguistik (1997), bahasa baku atau *standard language* ialah kelainan bahasa yang diterima oleh anggota komuniti bahasa dan digunakan dalam situasi rasmi, seperti dalam penulisan dan pengajaran. Lazimnya kelainan ini berdasarkan pertuturan golongan berpendidikan dalam masyarakat.

Dapat disimpulkan bahawa bahasa baku merupakan bahasa standard, iaitu variasi yang dipilih mewakili sesuatu bahasa secara menyeluruh serta digunakan oleh masyarakat daripada pelbagai dialek ketika berkumpul dan berbincang secara rasmi, dengan menggugurkan sedikit unsur dialek dalam kalangan mereka supaya wujud keadaan saling faham sesama mereka.

Semantik

Menurut Nik Safiah dan rakan-rakan (2011), semantik merupakan bidang yang mengkaji tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata.

Menurut Kamus Linguistik (1997) pula, semantik ialah satu sistem yang mengkaji tentang makna dalam bahasa. Istilah kuno bagi semantik ialah semasiologi dan sematologi.

Siti Hajar Abdul Aziz (2009) mendefinisikan semantik sebagai bidang yang mengkaji tentang aspek makna dalam bidang linguistik yang menganalisis makna dalam kata, morfem, frasa, ayat, dan wacana.

Dapatlah disimpulkan bahawa, semantik merupakan bidang yang mengkaji dan menganalisis makna kata dan juga ayat termasuklah yang berkaitan dengan lambang atau tanda yang menyatakan sesuatu makna serta hubungan antara makna dengan makna lain.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Chaer. (2003). *Linguistik Umum*. Jakarta: PT. Asdi Mahasatya.
- Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan, Ainon Mohd. (2005). *Kamus Seerti Bahasa Melayu*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan, Ainon Mohd. (2005). *Tesaurus Bahasa Melayu*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Amdun Husain. (2015). *Kamus Pelajar bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1977). *The Phonological Diversity of The Malay Dialects*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2004). Languages of Sarawak: In The encyclopedia of Malaysia. *Kuala Lumpur: Archipelago Press. Volume 9*. 34-35.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (1980). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bhaludin Saleh. (1983). Beberapa Bidang Sintaksis Dialek Melayu Sarawak. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Malaya.
- Buck, W.S.B. (1933). Vocabulary of Sarawak Malay. *Sarawak Musuem Journal. Volume 4(13)*. 187-192.
- Cense, A.A and E.M Uhlenbeck (1958). *Critical Survey of Studies on the Language of Borneo*. The Hague: S-Gravenhage.
- Chamber J.K,& Trudgill P,. (1989). *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1993). Penyelidikan dialek Melayu di Malaysia: Isu Perspektif. *Jurnal Dewaan Bahasa. Jilid 37. Bil. 7*. 580-602.

- Dayang Sariah Abang Suhai, Mary Fatimah Subet. (2012). Homonim Antara Dialek Melayu Sarawak Dan Bahasa Melanau. *Issues in Language Studies. Volume 1 (1)*. 15-21.
- Farid M. Onn. (1980). Perubahan dan Kajian Dialek: Satu Pendekatan Tatabahasa Generatif. *Dewan Bahasa Jilid 24. Bil. 8*. 4-12.
- Farid M. Onn dan Ajid Che Akob. (1993). Persepsi Murid dan Guru Terhadap Pengaruh Bahasa Daerah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Melayu. *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. 61-80.
- Fazal Mohamed Sultan et.al. (2011). Kata Soal Bila dalam Dialek Kedah Melayu Baling: 1 Analisis. *GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 2(1)*. 69-80.
- Fazal Mohamed Sultan dan Nurulafiqah Suhaimi. (2013). Sintaksis Kata Tanya 'Sapa' dalam Dialek Kedah. *GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 13(1)*. 43-59.
- Francis W.N. (1983). *Dialectology An Introduction*. Singapura: Huntsment Ofset Printing Ltd. Ptd.
- Indirawati Zainal. (2013). Semantik Leksikal: Penjenisandan Hubungan Makna. *Dewan Bahasa. Bilangan 3(8)*. 29-35.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Kuala Lumpur: The McGrow Hill Companies.
- Madzhi Johari. (1989). *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansoer Pateda. (2010). *Semantik Leksikal*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Maran Ramping. (2015). Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melayu Tinggi. *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*.
- Mario A.Pei., & Gaynor F., (1960). *A Dictionary of Linguistics*. London: Peter Owen.
- Mary Fatimah Haji Subet et al. (2011). Dialek Melayu Sarawak: Kelainan Semantik. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Volume 17*. 131-145.
- Mastura Anuar. (1979). Aspek Fonologi & Morfologi Dialek Melayu Sarawak: Satu Kajian Preliminar. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Meriem, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Thousand Oaks Califff: Sage Publication.
- Mohamad Juanda Irawan. (2014). *Makna Verba Deru sebagai Polisemi (Tagiga) dalam Kalimat Bahasa Jepang (Kajian Semantik)*. Medan: Universitas Dian Nusantara.

- Mohammed Azlan Mis. (2010). Lingua Franca Di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa. *GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 10(2)*. 97-114.
- Mohammed Azlan Mis. (2012). Medium Perantara Pelbagai Suku Kaum di Sarawak: Kajian Lingua Franca. *GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 12(3)*. 903-922.
- Mohd. Ali Salim. (2015). *Dialek Melayu Sarawak Perkataan, Ayat, dan Perbualan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Monaliza Sarbini-Zin, et al. (2012). ‘Lang’ Kah ‘Pintu’? Perubahan Leksikal Masyarakat Melayu Sarawak Dewasa Ini. *Issues in Language Studies. Volume 1 (2)*.
- Mukhtar, Khalil. (2006). *Semantik*. Pekan Baru: Cendikia Insani.
- Newman, W.L (2000). *Social Research Methods: Qualitative & Quantitative Approaches*. Boston: Allyn & Bacon.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1993). Dialek Sosial dan Tatatingkat Bahasa di Malaysia. *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. 27-40.
- Nik Safiah Karim. (2011). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuwairi Khaza'ai. (2003). Dialek: Taburannya di Negeri Perak daripada Perspektif Dialektologi. *Jurnal Pengajaran Melayu. Jilid 13*. 88-99.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif, Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Palmer F.R. (1989). *Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parera, J.D. (2004). *Teori Semantik (Edisi Kedua)*. Jakarta: Erlangga.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. London: Sage Publication.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2007). *Status Penggunaan Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Austria*. Serdang: Tesis PHD
- Ramli Md. Salleh. (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rubin, Babbie.E (2001). *Research Methods for Social Work*. Ed Number 4. Belmont: Wadsworth/ Thomson Learning.
- Saeed, John.I (2000). *Semantics*. Oxford: Blackwell.

- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit UPM.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1993). Unsur-unsur Dialek dalam Naskhah Melayu Lama. *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. 104-119.
- S.Nathesan. (2001). *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teo Kok Seong. (1977). Dialek. *Pelita Bahasa: Disember. Jilid 9. Bil.12*. 40-43.
- Teuku Iskadar. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Robiah Meor et.al. (2013). Kekeliruan Makna Kata Sifat dalam Kalangan Remaja Sarawak: Satu Tinjauan Awal. *Issues in Language Studies. Volume 2(2)*. 111-116.
- Zainal Abidin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*. Serdang: Tesis PHD
- Zainal Abidin Merjan. (1992). *Daftar Kata Bahasa Malaysia-Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. (1976). Life, Cycle and The Socialisation of Values Among Rural Malay in Sarawak. *Sarawak Museum Journal. Volume 24(45)*. 1-33.